# JAWATANKUASA ANTI-RASUAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JAR)

## 1.0 PUNCA KUASA

- Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 27/2019 bertarikh 20 November 2019
- Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 04/2023 bertarikh 1 Februari 2023

## 2.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA

2.1 Tarikh Kuat kuasa : 20 November 2019

2.2 Tempoh Lantikan Ahli : Sepanjang memegang jawatan

## 3.0 KEANGGOTAAN

Pengerusi : Naib Canselor
Pengerusi Ganti : Semua Timbalan Naib Canselor

Ahli - ahli :

- Semua Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-undang
- Semua Penolong Naib Canselor
- Ketua Audit Dalam
- Ketua Pustakawan
- Pengarah Jabatan Komunikasi
- Pengarah Unit Pengurusan Risiko
- Ketua Polis Bantuan
- Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam
- Rektor UiTM Cawangan Selangor (Ahli Turut Hadir)

Setiausaha : Ketua Unit Integriti
Urus Setia : Unit Integriti

## 4.0 KUASA MELANTIK JAWATANKUASA

Naib Canselor

## 5.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Januari, Mei dan September

## 6.0 KORUM

Kehadiran sekurang-kurangnya 1/2 daripada keahlian sepenuhnya dan tiada wakil dibenarkan.

## 7.0 FUNGSI DAN BIDANG KUASA

7.1 Empat terma rujukan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pengurusan universiti yang dilihat oleh JAR adalah seperti berikut:

**Dasar, Perundangan dan Peraturan**

i. Mengenalpasti, mengkaji serta memperaku pindaan atau keperluan mana-mana dasar dan perundangan universiti serta peraturan-peraturan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan;

ii. Mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans; dan

iii. Mewujud dan mendokumenkan pelan pencegahan bagi meningkatkan amalan governans terbaik bagi mengatasi kerenah birokrasi.

**Sistem dan Prosedur Kerja**

i. Mengenal pasti dan mengkaji kelemahan / keperluan sistem dan prosedur kerja universiti yang lapuk/terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah birokrasi, melemahkan pentadbiran, ketidakadilan serta membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa; dan

ii. Universiti hendaklah mengambil tindakan untuk menambah baik dan memperakukan perubahan dalam sistem dan prosedur kerja yang berkaitan serta memaklumkan kepada seluruh warga kerja.

**Pengukuhan Governans dan Integriti**

Mengenal pasti isu dan tindakan yang bersesuaian bagi memperkukuhkan aspek governans dan integriti melalui inisiatif pencegahan, penggalakan dan pembudayaan governans dan penginstitusian integriti secara terancang bagi mencegah pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans.

**Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

i. Melaksanakan tindakan pengesanan, pematuhan, punitif dan pemulihan yang tegas secara adil dan saksama tehadap sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan dan prosedur kerja atau kod etika kerja;

ii. Bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan atau mana-mana pihak lain bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap salah laku/jenayah yang dilakukan oleh warga organisasi dan pihak yang berkepentingan; dan

iii. Mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera berdasarkan undang-undang/peraturan tatatertib terhadap mereka yang terlibat.

7.2 JAR bertanggungjawab untuk mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan; dan

7.3 Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kementerian.

## 8.0 AGENDA MESYUARAT

| | | |
|---|---|---|
| Pendahuluan | : | Pengisytiharaan Kepentingan |
| | : | Aluan Pengerusi |
| Bahagian A | : | Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu |
| | : | Perkara-perkara berbangkit |
| Bahagian B | : | Laporan Isu Jawatankuasa Anti-Rasuah UiTM |
| Bahagian C | : | Hal- hal lain |

## 9.0 FORMAT KERTAS KERJA

i. Format Laporan Isu Jawatankuasa Anti-Rasuah UiTM

**FORMAT LAPORAN ISU JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR)**

A. Laporkan mengikut pecahan empat (4) terma rujukan JAR mengikut format di bawah:

1. Dasar, Perundangan dan Peraturan
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Pengukuhan Governans dan Integriti
4. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

| BIL. | ISU | PUNCA ISU | KESAN ISU | PIHAK-PIHAK LAIN YANG TERLIBAT | USAHA-USAHA PENYELESAIAN DAN STATUS KEMAJUAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *(Nyatakan sama ada isu ini membawa kepada masalah rasuah/ governans/ integriti/ pentadbiran di peringkat agensi/ merentas agensi)* | | *Usaha-usaha Penyelesaian:*<br><br>*Status Kemajuan:* |

## 10.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

i. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 bertarikh 5 Oktober 2018